

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 25/01/2019

Edisi / Muka Surat : Timur / 46

Tajuk : Wanita mampu berjaya dalam gerakan koperasi



ABDUL FATTAH ABDULLAH bersama ahli-ahli koperasi selepas merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Wanita Lipis di Lipis, Pahang, semalam. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

# Wanita mampu berjaya dalam gerakan koperasi

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD

utusan.ktrn2@utusan.com.my

■ LIPIS 24 JAN.

**P**ENINGKATAN bilangan koperasi wanita yang menjana pendapatan lebih RM10 juta sebulan membuktikan golongan itu mempunyai kesedaran tinggi untuk berjaya dalam kegiatan gerakan koperasi.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sehingga kini terdapat sebanyak 229 buah koperasi wanita, 27 koperasi ibu tung-

gal dan sembilan koperasi puteri dengan keahlian lebih 20,000 ahli.

Beliau berkata, menerusi pelbagai aktiviti perniagaan dan perkhidmatan, koperasi-koperasi tersebut berjaya memperoleh pendapatan kira-kira RM10 juta sebulan.

"Bagaimanapun, ahli lembaga koperasi wanita perlu terus melakukan transformasi secara berstruktur, sistematik dan komprehensif bagi menjana lebih keuntungan sekali gus memberi faedah kepada ahlinya," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Wanita Lipis di sini hari ini.

Menurut Abdul Fattah, gerakan koperasi boleh dijadikan platform kepada bumiputera khususnya wanita Melayu untuk mempertingkatkan kedudukan ekonomi mereka.

Katanya, koperasi adalah alternatif terbaik pilihan wanita selaku 'pengurus rumah tangga' bagi memperbaiki taraf ekonomi dan sosial keluarga.

"Malaysia boleh berbangga dengan kejayaan gerakan koperasi kerana mendapat dukungan kuat pihak kerajaan melalui agensinya, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Maktab Koperasi Malaysia," katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA